


Vaksin kanak-kanak lima hingga 11 tahun

Sinar Harian (30/11/2021)

Kerajaan berusaha untuk memberi vaksin Covid-19 dengan ambil kira golongan itu mudah terdedah jangkitan

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR



Kerajaan ambil berat akan kelompok usia tersebut mudah terdedah jangkitan Covid-19 susulan pembukaan secara meluas sektor ekonomi dan sosial ketika ini.

yang mahu tahu pendirian kerajaan terhadap pemberian vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di negara ini.

Mengulas lanjut, Dr Noor Azmi berkata, kerajaan sememangnya komited untuk melindungi seluruh rakyat termasuklah kanak-kanak daripada dijangkiti wabak yang boleh membawa maut itu.

“Kenapa kita merujuk kepada kanak-kanak lima hingga 11 tahun kerana kita hendak melindungi anak-anak kita seperti mana yang telah kita jalankan kepada remaja 12 hingga 17 tahun yang kini telah capai 85.9 peratus kadar vaksinasi penuh.

“Kita yakin dengan usaha kita ini dapat beri perlindungan keselamatan yang lebih kepada mereka untuk pergi dan balik ke sekolah,” katanya.

Sementara itu, ketika sesi soal jawab, Dr Noor Azmi menjelaskan, Sarawak menjadi negeri penerima dos penggalak paling tinggi di Malaysia apabila sejumlah 30.4 peratus populasi dewasanya telah menerima dos berkena-

an setakat Sabtu lepas.

Jelas beliau, ia meliputi 602,180 penduduk dewasa di negeri itu.

“Sarawak merupakan negeri pertama melaksanakan dos penggalak dan dos tambahan bermula 13 Oktober lalu, kadar sasaran pemberian dos penggalak bagi Sarawak ialah 2,042,700 individu,” katanya.

Beliau menjawab soalan **Ahmad Johnie Zawawi (GPS-Igan)** yang bertanya sejauh manakah Program Imunisasi Vaksin Covid-19 Kebangsaan (PICK) bagi negeri Sarawak dan Parlimen Igan.

Dr Noor Azmi berkata lagi, bagi liputan vaksin negeri Sarawak, sehingga 27 Nov, sebanyak 75 peratus penduduk negeri itu telah mendapat dos lengkap vaksin.

Kata beliau, ia meliputi 91.1 peratus penduduk dewasa berusia 18 tahun ke atas dan 85.9 peratus golongan remaja.

“Bagi Parlimen Igan, sejumlah 86.9 peratus penduduk di kawasan itu telah pun menerima dos lengkap vaksin setakat 25 November lepas,” ujar beliau.

Belum ada dasar spesifik waktu fleksibel pekerja wanita

KUALA LUMPUR - Tiada dasar dan perundangan buruh yang spesifik untuk menetapkan waktu bekerja fleksibel bagi golongan wanita setakat ini, kata Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim.

Bagaimanapun, Awang berkata, kementerian telah memasukkan peruntukan baharu berhubung waktu kerja fleksibel serta cadangan pengurangan waktu kerja mingguan bagi wanita dalam pindaan Akta Kerja 1955

“Ia akan dibaca buat kali kedua di Parlimen pada hujung persidangan (Dewan Rakyat) ini,” katanya ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau menjawab soalan **June Leow Hsiad Hui (PH-Hulu Selangor)** mengenai usaha kementerian untuk menggalakkan waktu bekerja fleksibel bagi pekerja wanita di sektor awam dan swasta sebagaimana amalan di negara-negara maju.

- Bernama